

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

11. Apakah insentif-insentif baharu yang disediakan Kerajaan Negeri untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan golongan muda?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa insentif untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan golongan muda antaranya:-

Kemudahan pinjaman mikro kredit yang kini dikenali sebagai Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang dan dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang. Skim ini diwujudkan dengan matlamat untuk membantu mewujudkan modal tambahan kepada usahawan termasuk usahawan di kalangan golongan muda. SPH ini disalurkan tanpa sebarang cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM2,000.00 hingga maksimum RM25,000.00 dari umur 18 hingga 60 tahun dengan tempoh bayaran balik antara 2 hingga 3 tahun. Sehingga Jun 2018, sejumlah RM14.77 juta telah diagihkan kepada 2,974 orang usahawan;

Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersama Penang Development Corporation (PDC) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri,

Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. PDC telah bertindak bagi pihak Kerajaan Negeri sebagai pemberi pinjaman, pengutip dan pentadbir. Program ini diwujudkan untuk memberi dorongan kepada golongan muda untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Pinjaman sebanyak RM5,000.00 seorang ditawarkan kepada peminjam pertama bagi tempoh bayaran balik selama 2 tahun tanpa faedah untuk usahawan yang berumur 18 hingga 60 tahun. Bagi pinjaman seterusnya, faedah 8% setahun dikenakan kepada peminjam dan tempoh bayaran balik selama 2 tahun. Sehingga Jun 2018, sebanyak RM582,000.00 telah diagihkan kepada 110 orang peminjam usahawan tani;

Bagi memupuk budaya keusahawanan bermula daripada usia remaja, diperkenalkan Program Tunas Niaga (PROTUNe) yang dilaksanakan oleh PDC dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dengan matlamat untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Pada tahun 2018 terdapat 38 buah sekolah menengah di negeri ini terlibat dengan PROTUNe dengan penglibatan seramai 190 orang pelajar, melibatkan kos sebanyak RM118,698.75;

Melaksanakan program-program latihan keusahawanan seperti bengkel, seminar dan motivasi kepada usahawan di kalangan golongan muda bagi memperkasakan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kefahaman keusahawanan dalam bidang pengurusan perniagaan supaya menjadi usahawan yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Sejak tahun 2008 hingga Julai 2018 terdapat sebanyak 98 program latihan keusahawanan telah diadakan dengan penyertaan seramai 4,074 orang usahawan kecil;

Beberapa skim baru telah dilancarkan, antara programnya ialah Skim Insentif *Penang i4.0 (Penang i4.0 Seed Fund)* dengan menawarkan dana peruntukan berjumlah RM4 juta (USD 1 juta)

untuk membantu usahawan-usahawan *start-up* berasaskan teknologi (*technopreneur*) yang berpotensi untuk mencapai pengkomersialan dengan pembiayaan minimum RM50,000.00 hingga maksimum RM250,000.00; dan

Menubuhkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) (*SME Market Advisory, Resource and Training - SMART Centre*) bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada para usahawan kecil mengenai maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan, contohnya permohonan lesen perniagaan, pendaftaran syarikat, insentif-insentif sedia ada dan sebagainya. Para usahawan yang ingin membangunkan perniagaan dengan pelaburan asing juga boleh menggunakan perkhidmatan penyenaian direktori atas talian (*online directory*), menyertai bengkel pembangunan keupayaan terutamanya topik mengenai Industri 4.0 (*capacity building workshop*) dan juga sesi pepadanan perniagaan antara pelabur asing dan usahawan tempatan (*business matching / vendor day*) yang dianjurkan oleh Pusat ini.